

UNIMAS sasar cemerlang bidang muzik

Sonar Tribal diyakini terus maju dalam arena muzik hingga ke peringkat antarabangsa

Oleh Nick Fletcher

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kini bakal dikenali bukan sahaja sebagai hab melahirkan individu cemerlang dalam akademik, tetapi juga dalam seni muzik.

Ini susulan tertubuhnya sekumpulan pemuzik yang terdiri daripada penuntut UNIMAS-Sonar Tribal yang telah melancarkan album pertama mereka bertajuk 'First Episode' semalam dengan berkonsepkan gabungan muzik kontemporari dan tribal.

Pelancaran album tersebut disempurnakan oleh Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman dan disaksikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim.

Fadzil dalam ucapannya menyuarakan keyakinan terhadap Sonar Tribal untuk terus maju dan melangkah jauh dalam bidang muzik sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Anda (Sonar Tribal) merupakan contoh kepada UNIMAS... maka, tunjukkanlah kepada dunia tentang keupayaan dan kebolehan penuntut UNIMAS dalam arena muzik.

"Ini sudah kita anggap sebagai satu kejayaan yang menunjukkan UNIMAS bukan sahaja mengutamakan kecermerlangan akademik pelajar, tetapi turut menyediakan platform untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam pelbagai aspek," katanya.

Kumpulan Sonar Tribal yang dianggotai pelajar-

“Anda (Sonar Tribal) merupakan contoh kepada UNIMAS... maka, tunjukkanlah kepada dunia tentang keupayaan dan kebolehan penuntut UNIMAS dalam arena muzik.”

Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman
Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS

pelajar bidang kejuruteraan sivil dan ekonomi merupakan pemenang peringkat Zon Sarawak bagi pertandingan DiGi Challenge for Chance (C4C) 2011 anjuran DiGi.

Mereka seterusnya akan mewakili Zon Sarawak bertanding di peringkat akhir pada 21 dan 22 Mac ini di Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, Fadzil berharap Sonar Tribal akan terus mempertingkatkan usaha di dalam mempromosikan kumpulan mereka.

"Saya percaya anda akan pergi lebih jauh sekiranya berusaha bersungguh-sungguh."

"Maka, dengan itu manfaatkanlah media sosial untuk anda mempromosikan kumpulan dan album," katanya.

Ketua kumpulan Sonar Tribal, Adruce Izzul Fahmi, 22, berkata, minat kepada muzik telah menjadi permangkin kepada kumpulan yang disertai seramai enam



SONAR TRIBAL

anggota itu terlibat dalam mempromosikan muzik tribal Sarawak.

"Sonar Tribal bertujuan memelihara muzik tribal warisan pelbagai etnik Sarawak dengan melatih dan mengetengahkan bakat anak muda di Sarawak serta mengembangkannya ke seluruh dunia."

"Kita juga mengeksperimen gabungan muzik kontemporari dan tribal untuk menjadikan ia lebih dirasai dan dapat diterima oleh semua generasi tanpa mengubah dan menghilangkan keaslian muzik tersebut," katanya.

'First Episode' mengandungi enam buah lagu yang dirakamkan di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Unimas dan Shone Music House.

Album tersebut mengeengahkan semua lagu ciptaan ahli kumpulan itu sendiri yang dimainkan menggunakan alat muzik tradisional seperti sape, kecakat dan darbuka serta gabungan alat muzik



KEBANGGAAN KITA: Wan Hashim (kanan) menyampaikan cenderamata berupa CD Sonar Tribal kepada Fadzil pada majlis tersebut.

kontemporari seperti gitar.

Antara lagu yang dimuatkan ialah 'Savayor's Mists,' 'Sape Leto,' 'Ole Ole,' 'Runaway,' 'Ngantok' dan sebuah trek bonus.

Sonar Tribal telah mendapat perhatian dari seluruh dunia melalui media sosial

seperti Twitter dan Facebook serta pernah menerima undangan persembahan dari pelbagai badan korporat serta dijemput untuk wawancara oleh beberapa stesen televisyen.

Kumpulan ini juga akan mengadakan Sonar Tribal

'Giveback Weekend' pada 17 Mac ini.

Sonar Tribal boleh dihubungi menerusi talian 014-931 9754 atau e-mel sonartribal@gmail.com.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Nor Azalina Rosli menerusi talian 082-583301.